

08 JAN 2003

Lim-Penjelasan/I

LIM: SAYA TIDAK BERTANYA PM MENGENAI SURAT PELETAKAN JAWATAN DR LING

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Lim Ah Lek ahri ini menafikan beliau bertanya Perdana Menteri mengenai surat peletakan jawatan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Leong Sik sebagai Menteri Pengangkutan, pada mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) semalam.

Lim berkata adalah tidak benar bahawa beliau telah bertanyakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai surat peletakan jawatan Dr Ling yang dikemukakan pada Ogos tahun lepas, menyebabkan Perdana Menteri memaklukkannya pada mesyuarat itu.

"Tidak benar, kerana saya tidak pun bertanya Perdana Menteri pada mesyuarat itu. Anda boleh tanya mereka yang menghadiri mesyuarat itu," katanya kepada Bernama dalam temubual menerusi telefon hari ini.

Akhbar China Press dan China Press Online melaporkan bahawa Lim telah bertanya Dr Mahathir mengenai surat peletakan jawatan Dr Ling itu pada mesyuarat majlis Tertinggi BN yang berlangsung selama tiga jam itu.

Menurut laporan akhbar berkenaan, Lim bertanyakan mengenainya, menyebabkan Dr Mahathir memaklukkannya kepada mesyuarat berkenaan bahawa Dr Ling telah mengemukakan surat peletakan jawatan dan memaksa Dr Ling mendedahkannya kepada media.

Lim berkata laporan akhbar itu tidak beretika memadamkan mereka tidak pun meminta penjelasan beliau sebelum melaporkan berita itu. Setelah membaca laporan berita itu, Lim membuat bantahan kepada ketua pengarangnya.

"Saya brsumpah bahawa saya tidak bertanya soalan itu seperti yang didakwa dan jika saya menyebutnya pada mesyuarat terbabit, saya akan meletakkan jawatan," katanya.

Dr Ling ketika ditanya pemberita petang ini, mengesahkan bahawa Lim tidak membangkitkannya pada mesyuarat berkenaan.

-- BERNAMA

AT MFZ LAT